

TATACARA PERMOHONAN KEBENARAN MENGEKSPORT TOPENG MUKA

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

KEMASKINI MAC 2020

LATAR BELAKANG

Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2020 memperuntukkan bahawa mana-mana orang tidak boleh mengeksport topeng muka ke mana-mana destinasi kecuali pengilang barangan tersebut yang mendapat kebenaran Pengawal Bekalan Malaysia.

Kod penjenisan (*HS Code*) produk yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil	Keterangan Produk	Kod Penjenisan
1	Topeng muka (pembedahan/perubatan) 1 lapisan (gelung telinga)	6307.90.40 00
2	Topeng muka (pembedahan/peubatan) 2 lapisan (gelung telinga)	6307.90.40 00
3	Topeng muka (pembedahan/perubatan) 3 lapisan (gelung telinga/gelung kepala/ikatan pada kepala)	6307.90.40 00
4	Topeng muka (pembedahan/perubatan) N95	6307.90.90 00

TATACARA PERMOHONAN

Permohonan bagi mengeksport topeng muka ke luar negara memerlukan kebenaran bertulis daripada KPDNHEP. Permohonan boleh dikemukakan ke alamat seperti berikut dalam tempoh 7 hari bekerja sebelum tarikh pengeksportan dijadualkan:

Pengarah Kanan
Sektor Barang Kawalan dan Subsidi
Aras 4 (Menara)
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
No. 13, Persiaran Perdana,
Presint 2, 62623 Putrajaya,
Malaysia.

1. Permohonan perlu disertakan dengan dokumen sokongan seperti berikut:
 - i. Surat permohonan mengeksport topeng muka daripada syarikat (pengeluar /pengedar) topeng muka seperti format di [Lampiran](#);
 - ii. Pesanan belian/sebutharga daripada syarikat luar negara yang ingin membeli topeng muka daripada syarikat; dan
 - iii. Kontrak belian antara syarikat pemohon dengan pembeli luar negara.

2. Permohonan yang berjaya akan diberikan surat kebenaran daripada Pengawal Bekalan Malaysia secara serahan tangan/ pos atau emel tertakluk kepada persetujuan antara syarikat dengan pegawai pemproses.

3. Surat kebenaran hanya sah bagi **satu penghantaran** sahaja dan tidak boleh digunakan berulang kali. Surat kebenaran yang baharu perlu dipohon setiap kali penghantaran dibuat.

NOMBOR PERHUBUNGAN

Amran bin Ahmad Telefon : 03-8882 6872 E-mel : amranahmad@kpdnhep.gov.my	Rahmat bin Wadio Telefon : 03-8882 6204 E-mel : rahmat.w@kpdnhep.gov.my
Zalirizal bin Abdul Rahman Telefon : 03-8882 5841 E-mel : zalirizal@kpdnhep.gov.my	Munirah binti Mohd Zaki Telefon : 03-8882 6069 E-mel : munirahmohdzaki@kpdnhep.gov.my

CARTA ALIR PERMOHONAN

